

## **Keberkesanan Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) di bawah Dasar Warga Emas Negara**

*(Effectiveness of the Older Person Activitiy Center (PAWE) Under The  
National Policy for Older Person)*

NORAIDA IBRAHIM, ZARINA MAT SAAD & FATIMAH ZAILLY  
AHMAD RAMLY

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar & Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia  
E-mel: [aida\\_adea@ymail.com](mailto:aida_adea@ymail.com)

### **Abstrak**

*Penuaan penduduk merupakan satu fenomena yang bakal melanda Malaysia pada abad ke-21 kelak. Laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada tahun 2007 menyatakan penduduk warga emas di Malaysia dijangka meningkat daripada 7 peratus kepada 14 peratus pada tahun 2030 dan ianya hanya mengambil masa selama 28 tahun sahaja berbanding negara Sweden yang telah mengambil masa selama 112 tahun untuk perubahan yang sama. Menyedari hakikat ini, kerajaan telah menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 dan kemudiannya telah ditambah baik menjadi Dasar Warga Emas Negara (DWEN) pada 5 Januari 2011. Pusat Aktiviti Warga emas (PAWE) merupakan program pembangunan yang telah diwujudkan di bawah DWEN sejak tahun 2001. Pengwujudan PAWE dilihat sebagai satu alternatif bagi menangani isu dan cabaran warga emas pada masa kini dan akan datang. Satu kajian mengenai keberkesanan PAWE terhadap tahap kesejahteraan warga emas telah dijalankan kepada 78 orang warga emas yang telah hadir mengikuti aktiviti di PAWE yang berada di Negeri Selangor. Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik dan menggunakan teknik persampelan mudah. Hasil kajian mendapati tahap kesejahteraan responden berada pada tahap yang tinggi dan membuktikan keberkesanan PAWE dapat membantu warga emas menjalani hidup lebih sejahtera. Ini secara langsung dapat membantu pihak kerajaan untuk menambahbaik program yang dijalankan di PAWE.*

**Kata kunci:** Penuaan, Dasar Warga Emas Negara, warga emas, Pusat Aktiviti Warga Emas, tahap kesejahteraan.

***Abstract***

*Population aging is a phenomenon that will hit Malaysia in the 21st century. According to the United Nations (UN) in a report issued in 2007, older person in Malaysia are expected to increase from 7 percent to 14 percent in 2030 within 28 years as opposed to the country Sweden, which took 112 year for the same change. Recognizing this, the Government has formulated the National Policy for the Elderly in 1995. Later this policy and plan has been improved on 5 January 2011 as a Dasar Warga Emas Negara (DWEN). Older Person Activity Center (PAWE) is a development program that has been established under DWEN program since 2001. The establishment of PAWE seen as an alternative to address the issues and challenges of older persons in the present and future. A survey was conducted to see effectiveness PAWE to level of wellbeing among 78 elderly people who were present at the following activities PAWE located at Selangor. This study uses interview and convinience sampling technique. Results show that the respondents level of wellbeing is at a high level and prove effectiveness PAWE can help well-being of the older persons in Malaysia. This directly helps the government to improve the programs in PAWE.*

**Keywords:** Aging, National Policy for Older Person, older person, older person activity center, well-being.

**Pengenalan**

Jabatan Perangkaan Malaysia (2010) menerusi laporan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia telah melaporkan seramai 2,251,216 orang warga emas di Malaysia iaitu sebanyak 8.0 peratus daripada keseluruhan penduduk di Malaysia. Angka ini dijangka meningkat dan menurut Nurizan Yahaya, Siti Suhailah Abdullah, Yadollah Abolfathi Momtaz, Tengku Aizan Hamid (2010), Malaysia telah mencatatkan 7% daripada warga emas berumur 60 tahun dan ke atas pada tahun 2005, dan angka ini dijangka meningkat kepada 14% pada 2028. Situasi ini hanya mengambil masa selama 23 tahun lagi bagi Malaysia dikenali sebagai negara menua.

Jadual 1

*Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2010*

Lokasi	Jumlah Penduduk	Jumlah Warga Emas	( % )
Malaysia	28,334,135	2,251,216	7.9

(sambungan)

Lokasi	Jumlah Penduduk	Jumlah Warga Emas	( % )
Perak	2,352,743	280,118	11.9
Perlis	231,541	24,499	10.5
Pulau Pinang	1,561,383	159,285	10.2
Melaka	821,110	79,422	9.6
Kedah	1,947,651	184,087	9.4
Negeri Sembilan	1,021,064	91,920	9.0
Kelantan	1,539,601	135,935	8.8
Sarawak	2,471,140	211,181	8.5
Johor	3,348,283	278,028	8.3
Pahang	1,500,817	122,719	7.9
Kuala Lumpur	1,674,521	127,825	7.6
Terengganu	1,035,977	78,058	7.5
Selangor	5,462,141	334,289	6.1
Sabah	3,206,742	138,386	4.3
Labuan	86,908	3483	4.0
Putrajaya	72,413	981	1.3

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia (2010).

Isu penuaan penduduk kini menyentuh setiap aspek dalam kehidupan sama ada individu, masyarakat dan negara. Situasi yang dialami di peringkat usia emas kelak bergantung kepada perancangan kehidupan pada peringkat awal lagi (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Di Malaysia istilah bagi usia 60 tahun dan ke atas digunakan sebagai takrifan warga emas sejajar dengan takrifan yang digunakan oleh *United Nations World Assembly on Ageing* pada tahun 1982 di Vienna. Maka takrifan ini telah diguna pakai bagi merancang dasar serta program pembangunan kepada warga emas di Malaysia.

Menyedari isu serta cabaran berkaitan penuaan yang bakal dihadapi kelak maka, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui agensi pelaksana Jabatan Kebajikan Masyarakat telah menggubal Dasar Warga Tua Negara pada tahun 1995 dan Pelan Tindakan Dasar Warga Tua Negara 1999. Seterusnya dasar dan pelan ini telah ditambah baik pada tahun 2011 dan dinamakan Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN).

*Dasar Warga Emas Negara (DWEN)*

Bagi mengatasi isu serta cabaran berkaitan penuaan, Dasar Warga Emas Negara (DWEN) dan Pelan Tindakan Warga Emas Negara (PTWEN) dilihat sebagai komitmen kerajaan untuk mewujudkan warga emas yang berdikari, bermartabat diri dan dihormati dengan mengoptimumkan potensi diri melalui penuaan sihat, positif, aktif, produktif dan menyokong untuk meningkatkan kesejahteraan hidup dalam pembangunan negara (Dasar Warga Emas Negara, 2011). Namun begitu bagi menjayakannya, pelbagai usaha telah dilaksanakan dan antaranya dengan mewujudkan sistem sokongan kepada keluarga agar warga emas dapat terus hidup di dalam komuniti (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Usaha ini dilakukan adalah kerana isu penuaan penduduk merupakan fenomena yang bakal terjadi pada abad ke 21. Ia merupakan satu realiti yang perlu diberikan perhatian khusus dan sejauh mana negara bersedia untuk menghadapinya kerana ia akan mendatangkan impak kepada negara kelak (Dasar Warga Emas Negara, 2011).

Dalam merealisasikan DWEN, penilaian semula telah dibuat terhadap Dasar Warga Tua Negara (1995), Perlembagaan Persekutuan, Dasar Kebajikan Masyarakat Negara (1990), Dasar Pembangunan Nasional (1991), Dasar Sosial Negara (2003), Dasar Kesihatan Warga Emas (2008) dan Wawasan 2020 serta Rancangan Pembangunan Lima Tahun Malaysia. Maka pada 5 Januari 2011, DWEN dan PTWEN telah diluluskan oleh Kabinet bagi menggantikan dasar serta pelan tindakan yang terdahulu. Penambahbaikan ini dilihat telah menyentuh setiap aspek berkaitan isu penuaan hidup sama ada kepada individu, masyarakat dan negara. Falsafah DWEN adalah untuk mengiktiraf warga emas sebagai warganegara yang terdiri daripada pelbagai latar belakang dan pengalaman, mempunyai hak untuk menikmati kehidupan sejahtera, dihormati dan boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara. Prinsip DWEN pula telah diadaptasi daripada prinsip PBB ke atas warga emas dan *Madrid International Plan of Action on Ageing* (MIPAA) seperti berikut :

1. Menggunakan pendekatan perkembangan sepanjang hayat;
2. Mengiktiraf hak untuk mendapat keperluan asas yang berkualiti;
3. Mengutamakan kesaksamaan peluang untuk mengakses pelbagai sumber;
4. Meningkatkan martabat diri dan berdikari;
5. Mengeratkan hubungan antara generasi;
6. Meningkatkan penyertaan dan penglibatan; dan
7. Mengukuhkan kerjasama dan perkongsian tanggungjawab.

Matlamat DWEN adalah untuk mendayaupayakan individu, keluarga dan masyarakat dengan menyediakan perkhidmatan mesra warga emas yang cekap dan berkesan serta membangunkan persekitaran yang memboleh dan membantu supaya warga emas hidup sejahtera. Selain itu, DWEN diwujudkan

adalah bertujuan untuk membangunkan masyarakat prihatin terhadap fenomena penuaan dan mendayaupayakan masyarakat bagi menghadapi hari tua dan untuk memudahkan akses pembelajaran sepanjang hayat dalam kalangan warga emas, keluarga dan masyarakat serta menjamin warga emas hidup selamat dan dilindungi. DWEN juga ditambah baik agar dapat membentuk sistem penyampaian perkhidmatan warga emas yang berkesan dan bersepodu serta meningkatkan penglibatan warga emas dalam masyarakat pelbagai umur. Objektif terakhir DWEN adalah untuk menggalakkan penggunaan hasil penyelidikan sebagai asas dalam perancangan, pemantauan dan penilaian program warga emas.

Terdapat enam (6) strategi yang dibentuk di bawah DWEN sebagai pendekatan untuk mencapai objektif DWEN. Berikut merupakan enam strategi DWEN iaitu :

#### 1. Promosi dan Advokasi

Strategi ini memberi tumpuan kepada usaha yang berterusan untuk memupuk kesedaran berkaitan isu dan cabaran penuaan dalam kalangan semua lapisan masyarakat. Selain itu, warga emas juga akan dipromosi sebagai aset negara yang boleh terus menyumbang kepada pembangunan negara.

#### 2. Pembelajaran Sepanjang Hayat

Strategi ini adalah untuk memberi peluang kepada setiap generasi terutamanya warga emas melengkapkan dan meningkatkan potensi diri dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk hidup secara aktif dan produktif dalam keluarga dan masyarakat. Fokusnya adalah kepada pelaburan modal insan yang memberi tumpuan kepada persediaan awal dan tindakan pencegahan serta usaha untuk mengukuhkan hubungan kekeluargaan masyarakat bagi meningkatkan kesejahteraan warga emas masa kini dan masa hadapan.

#### 3. Keselamatan dan Perlindungan

Strategi ini pula adalah berkaitan keutamaan kepada isu keselamatan dan perlindungan warga emas dalam semua aspek tanpa mengira latar belakang mereka. Warga emas disediakan akses kepada keperluan asas, keselamatan sosial dan perlindungan serta bebas daripada isu pengabaian, penganiayaan, dan penderaan dengan adanya jaminan perundangan.

#### 4. Tadbir Urus dan Perkongsian Tanggungjawab

Strategi ini mengutamakan tadbir urus yang berkesan dalam mentadbir insan, pelaksanaan program, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan untuk

merealisasikan dasar di pelbagai peringkat dan agensi. Akauntabiliti dalam pengurusan dan kewangan menjadi teras kepada penyampaian perkhidmatan dan kemudahan untuk meningkatkan faedah secara langsung kepada warga emas.

#### 5. Penglibatan dan Kesepaduan antara Generasi

Strategi ini memberi tumpuan kepada pembangunan masyarakat inklusif berlandaskan kepada penglibatan secara berterusan dalam sektor ekonomi dan sosial. Strategi ini turut memfokus kepada usaha memupuk dan mengeratkan hubungan saling melengkapi melalui aktiviti/program pengukuhan hubungan dan perpaduan dalam kalangan warga emas dan antara pelbagai generasi. Aspek warisan dan hubungan saling menghormati dan bantu-membantu antara generasi perlu diketengahkan dalam aktiviti/program.

#### 6. Penyelidikan dan Pembangunan

Akhir sekali adalah strategi yang memberi tumpuan penyelidikan serta pembangunan dalam semua proses perancangan, pelaksanaan dan penilaian program yang melibatkan warga emas. Strategi ini juga dilihat mampu meningkatkan kerjasama serta penglibatan pihak-pihak yang berkepentingan (*stakeholders*) dan keberkesanan penyampaian dasar di pelbagai peringkat dalam menghasilkan program yang menyeluruh dan berterusan.

Melalui strategi yang telah dinyatakan ini maka wujud ruang dan peluang bagi warga emas untuk mendapatkan akses kepada perlindungan, keselamatan serta dapat menyumbang dalam program pembelajaran dan pengajaran, perkongsian pengalaman dan penyampaian ilmu serta kemahiran. Ia perlu diutamakan supaya peranan dan status mereka dapat dikekalkan dalam masyarakat (DWEN, 2011).

PAWE merupakan salah satu program yang diwujudkan di dalam Pelan Tindakan Warga Tua (1995) dan kesinambungan program ini telah diteruskan di dalam PTWEN. PAWE alah tempat kepada warga emas untuk mendapatkan perkhidmatan dan menjalankan aktiviti harian serta menyumbang kepada usaha kesejahteraan warga emas di dalam komuniti. Di samping memperolehi pengetahuan dan kemahiran daripada program/aktiviti yang diadakan, warga emas juga dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995).

*Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE)*

Kerajaan telah mewujudkan sebanyak 22 buah Pusat Jagaan Harian Warga Tua (PJHWT) sejak tahun 2001 sebagai satu tempat untuk warga emas menjalankan aktiviti sehari-hari di dalam komuniti setempat melalui peruntukan Rancangan Malaysia Ke 8 dan 9 di seluruh negara. Sehubungan itu, satu Garis Panduan Perlaksanaan PJHWT telah diluluskan pada Disember 2002 dan menetapkan sebanyak RM33,330 bantuan geran penyelenggaraan kewangan tahunan diberikan Kerajaan kepada NGO yang mengendalikan PJHWT (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2002). Pada tahun 2012, PJHWT telah dijenamakan semula kepada Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) bersesuaian dengan konsep untuk menggalakkan warga emas menjalankan aktiviti dengan aktif dan bukannya berkonsep jagaan harian. (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2012).

PAWE yang ditubuhkan mensasarkan warga emas yang sihat dan dapat menguruskan diri dan melibatkan kerjasama strategik antara KPWKM dengan agensi kerajaan yang lain (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 1995). Ini juga adalah selaras dengan PTWEN yang mengambil kira pembangunan potensi yang ada pada golongan warga emas dari segi keupayaan mereka yang masih sihat dan bertenaga untuk menyumbang khidmat bakti dan kepakaran mereka kepada komuniti setempat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2011). Objektif penubuhan PAWE adalah seperti berikut:

- a. Sebagai panduan kepada organisasi pelaksana dalam pengurusan dan pengendalian sebuah Pusat Aktiviti Warga Emas.
- b. Meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat mengenai program Pusat Aktiviti Warga Emas.
- c. Menentukan pengurusan Pusat Aktiviti Warga Emas menepati kualiti perkhidmatan yang ditetapkan demi manfaat warga emas.

Konsep PAWE pula adalah seperti berikut:

- a) PAWE bertujuan untuk memberi satu kemudahan kepada warga emas menjalankan aktiviti terutama bagi mereka yang tinggal keseorangan semasa ketiadaan ahli keluarga yang keluar bekerja. Dengan cara ini, warga emas dapat terus hidup dengan keluarga dan mendapat khidmat sokongan dalam jagaan warga emas yang lebih terjamin.
- b) PAWE sebagai tempat menjalankan aktiviti bagi membolehkan warga emas belajar berdikari, berinteraksi sesama mereka dan menjalankan aktiviti bersama dengan masyarakat tempatan, memperolehi

pengetahuan dan kemahiran serta terus dapat menyumbang khidmat sukarela kepada masyarakat.

- c) Pelaksanaan program ini dipertanggungjawabkan kepada pertubuhan sukarela kebajikan yang memainkan peranan penting dalam memenuhi keperluan golongan warga emas di negara ini.
- d) Masyarakat tempatan juga digalakkan untuk melibatkan diri secara aktif atau memberi apa jua sumbangan supaya program di Pusat Aktiviti Warga Emas ini benar-benar dapat mencerminkan penglibatan menyeluruh semua pihak dalam menjamin kebajikan dan kesejahteraan golongan warga emas.

PAWE menyediakan pelbagai kemudahan seperti kemudahan untuk beriadah, menjalankan program atau aktiviti berbentuk masakan, kraftangan, bersukan, beribadah dan sebagainya. Jika dilihat daripada senario di negara-negara Asia, contohnya di Taiwan, penjagaan warga emas telah disediakan melalui institusi di dalam komuniti dan terdapat kesan positif daripadanya (Huang & Soong, 2013). Manakala di Myanmar pula pusat aktiviti juga dibuat berasaskan komuniti yang mana ianya dianggap sesuai dalam konteks masyarakat kerana kos yang efektif dan sesuai untuk orang Myanmar (Han, 2012). Ini menunjukkan warga emas mempunyai keupayaan untuk bersosial dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti yang berbeza dalam masyarakat dan menjadikan persekitaran salah satu aspek yang memberi kesan kepada kehidupan mereka (Elsawahli, Ahmad, & Ali, 2012).

Terdapat kajian yang dilakukan di barat untuk mengenal pasti faktor yang mendorong penyertaan aktif warga emas di usia tua. Satu daripada faktor yang dikenal pasti adalah hubungan sosial sebagai motivasi dan pendorong utama kepada warga emas untuk mengambil bahagian dan mengenali kawan-kawan baru serta menyumbang khidmat kepada masyarakat. Faktor ini didapati menjadi penyumbang utama kepada penuaan yang berjaya iaitu penuaan yang produktif (Sharan dan Mazanah, 2000). Namun begitu tiada kajian ilmiah dibuat berkaitan keberkesanannya PAWE terhadap warga emas yang menjalankan aktiviti di PAWE. Ditambah pula kini, PAWE telah meningkat daripada 22 buah kepada 50 buah pada tahun 2015. Ekoran timbulnya persoalan tersebut, maka kajian ini dibuat dan objektif kajian adalah untuk mengkaji keberkesanannya PAWE terhadap tahap kesejahteraan warga emas yang hadir mengikuti program di PAWE.

### **Metodologi**

Kajian ini mengkaji keberkesanannya PAWE kepada warga emas yang hadir ke PAWE. Ini bertepatan dengan salah satu objektif penubuhan PAWE di bawah

PTWEN iaitu untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas selari dengan konsep warga emas aktif dan produktif. Tahap kesejahteraan akan dilihat daripada dimensi yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) iaitu dimensi kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan & kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan dan aktiviti masa lapang. Ia juga hampir menyamai dimensi kesejahteraan yang dinyatakan di dalam DWEN iaitu kesihatan, kerohanian, persekitaran, ekonomi dan sosial (DWEN, 2011).

Kajian ini dijalankan di PAWE yang terletak di Negeri Selangor iaitu PAWE Jenjarom, PAWE Sungai Buloh dan PAWE Sabak Bernam. Pemilihan ini dibuat untuk melihat warga emas yang mewakili kawasan bandar dan luar bandar. Populasi kajian ini terdiri daripada 78 orang warga emas yang berusia 56 tahun dan ke atas dan menjadi sebagai ahli berdaftar di PAWE serta hadir menjalani aktiviti di PAWE. Kajian ini menggunakan persampelan mudah (*convenience sampling*) di mana ia merujuk kepada tatacara pemilihan sampel dengan mengandaikan setiap unsur dalam populasi bersifat homogen dengan ciri setiap unsur atau individu adalah sama. Maka kaedah persampelan ini telah dipilih dan responden kajian ini yang menepati kriteria yang ditetapkan iaitu berusia 56 tahun dan ke atas, berdaftar sebagai ahli PAWE serta hadir menjalani aktiviti di PAWE pada hari soal selidik diedarkan.

Data kuantitatif merangkumi 11 soalan berkaitan demografi responden, 37 soalan yang diambil dan diterjemah ke Bahasa Malaysia dari soal selidik *Older Person Quality of Life (OPQOL-35)* bagi mengukur tahap kesejahteraan warga emas. Kesejahteraan menurut *World Health Organization* merangkumi dimensi kesihatan, hubungan sosial, berdikari, kebebasan dan kawalan ke atas kehidupan, persekitaran, psikologi, kewangan, aktiviti masa lapang dan agama/budaya (Gobbens, Van Assen, Luijkx & Schols, 2012). Tambahan dua soalan telah dibina oleh penyelidik bagi dimensi agama dan budaya. Hasil kajian dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) 17.0*. Data yang didapati akan dianalisis bagi mengenal pasti tahap kesejahteraan hidup responden seterusnya membuktikan keberkesaan PAWE dalam meningkatkan tahap kesejahteraan hidup responden.

Kesemua set soalan tersebut perlu diuji kebolehpercayaannya terlebih dahulu. Satu kajian rintis telah dijalankan dengan memilih seramai 30 orang responden iaitu warga emas yang hadir menjalankan aktiviti di PAWE Cheras Baru, Kuala Lumpur pada 17 Ogos 2014. Sampel dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak dikaji. Hasil kajian rintis dianalisis untuk melihat kebolehpercayaan soal selidik dan mendapat keputusan nilai *alpha Cronbach* adalah 0.616 maka tahap kebolehpercayaan di antara 0.6 hingga 0.79 dikatakan sebagai boleh diterima (Sekaran, 2006).

### **Dapatan Kajian**

Secara keseluruhan, setelah dianalisis tahap kesejahteraan warga emas berada pada tahap yang tinggi. Jika dilihat daripada hasil dapatan kesejahteraan mengikut dimensi yang ditetapkan, kesemua dimensi mencatatkan kesejahteraan warga emas berada pada tahap yang tinggi berbanding tahap sederhana hanya dimensi kewangan dilihat ada merekodkan dapatan tahap kesejahteraan berada pada tahap yang rendah dan sederhana melebihi tahap yang tinggi (Jadual 2).

Jadual 2

*Tahap kesejahteraan warga emas secara keseluruhan*

Tahap	Jumlah	Peratus
Rendah	-	-
Sederhana	-	-
Tinggi	78	100.0
Jumlah	78	100.0

Hasil analisis mengikut dimensi pula mendapati seramai 54 orang responden iaitu 69.2 peratus daripada keseluruhan responden beranggapan tahap kesihatan mereka berada dalam tahap kesihatan yang tinggi, dan 30.8 peratus responden pula berada pada tahap yang sederhana. Manakala dimensi hubungan sosial pula menunjukkan seramai 72 orang responden (92.3 peratus) responden warga emas menyatakan tahap hubungan sosial mereka berada pada tahap yang tinggi dan 6 orang responden berada pada tahap yang sederhana. Bagi dimensi berdikari, kebabasan dan kawalan ke atas kehidupan pula berada pada tahap yang tinggi sebanyak 56.4 peratus dan 43.6 peratus responden lagi berada pada tahap yang sederhana (Jadual 3).

Dimensi yang seterusnya adalah persekitaran dan hasil analisis mendapati 60.3 peratus iaitu seramai 47 orang responden merasakan persekitaran mereka berada pada tahap kesejahteraan yang tinggi dan 39.7 peratus pula berada pada tahap yang sederhana. Dimensi psikologi dan emosi juga memainkan peranan yang penting dalam menilai tahap kesejahteraan warga emas. Sebanyak 62.8 peratus mewakil 49 responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi dan 37.2 peratus iaitu 29 orang responden berada pada tahap sederhana.

Dimensi kewangan iaitu sebanyak 37 orang responden (47.4 peratus) pada tahap yang tinggi, 40 orang responden (51.3 peratus) pula menyatakan kewangan mereka pada tahap yang sederhana dan 1 orang berada pada tahap

yang rendah (1.3 peratus). Hasil dapatan bagi dimensi masa lapang pula menunjukkan seramai 42 orang responden (53.8 peratus) menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi dan 36 orang lagi (46.2 peratus) pada tahap yang sederhana. Dimensi yang terakhir iaitu agama dan budaya mendapati sebanyak 76.9 peratus iaitu yang mewakil 60 responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka pada tahap yang tinggi, manakala baki 23.1 peratus iaitu 18 orang responden berada pada tahap sederhana (Jadual 3).

Jadual 3

*Dapatan kajian bagi setiap dimensi kesejahteraan*

Dimensi	Tahap	Jumlah	Peratus
Kesihatan	Rendah	-	-
	Sederhana	24	30.8
	Tinggi	54	69.2
Hubungan Sosial	Rendah	-	-
	Sederhana	6	7.7
	Tinggi	72	92.3
Berdikari, Kebebasan dan Kawalan Ke Atas Kehidupan	Rendah	-	-
	Sederhana	34	43.6
	Tinggi	44	56.4
Persekitaran	Rendah	-	-
	Sederhana	31	39.7
	Tinggi	47	60.3
Psikologi & Kesejahteraan Emosi	Rendah	-	-
	Sederhana	29	37.2
	Tinggi	49	62.8
Kewangan	Rendah	1	1.3
	Sederhana	40	51.3
	Tinggi	37	47.4
Masa Lapang	Rendah	-	-
	Sederhana	36	46.2
	Tinggi	42	53.8

(sambungan)

Dimensi	Tahap	Jumlah	Peratus
Agama & Budaya	Rendah	-	-
	Sederhana	18	23.1
	Tinggi	60	76.9

### **Perbincangan, Implikasi dan Cadangan**

Kajian ini dapat melihat keberkesanan PAWE terhadap tahap kesejahteraan hidup warg emas yang menjalani aktiviti di PAWE. Ahli komuniti yang sihat akan menghasilkan sebuah negara yang produktif serta dapat melahirkan individu yang berada dalam keadaan tenang secara fizikal, psikologi dan mental. Selain itu, komuniti akan berada dalam harmoni, tenang dan bergerak ke arah yang lebih baik pada masa akan datang (Amran Hassan, Fatimah Yussooff, & Khadijah Alavi, 2012).

Hasil kajian di PAWE mendapati semua responden menyatakan tahap kesejahteraan mereka secara keseluruhan adalah berada pada tahap yang tinggi. Ini menyokong hasil kajian Kwan (2003) yang menunjukkan kesejahteraan hidup yang baik adalah secara fizikal dan mental sihat adalah dengan aktif secara sosial, dan kukuh dari segi kewangan dan merasa gembira, makan dengan baik dan mempunyai hubungan kekeluargaan yang baik. Selain itu, kesihatan fizikal dan mental tahap yang baik, bebas masalah kewangan, sokongan keluarga yang baik, dan aktif menjalani aktiviti sosial juga merupakan faktor penyumbang utama kepada kualiti hidup (Lee, 2005).

Kajian ini dilihat mendarangkan implikasi terhadap bidang kerja sosial di Malaysia melalui aspek keperluan dasar serta polisi bagi menambahbaik perkhidmatan kepada warga emas. Hasil kajian ini dapat mengukuhkan kenyataan bahawa PAWE merupakan satu program terbaik untuk warga emas dan memberi keselesaan ke atas kesejahteraan hidup warga emas. Kajian-kajian berkaitan PAWE hendaklah terus dijalankan, dan apabila kewujudan PAWE didapati memberi kesan yang baik, maka ianya secara langsung dapat mengurangkan kemasukan warga emas ke institusi penjagaan dan lantas akan mengurangkan kos. Keperluan yang berkaitan dengan PAWE harus disediakan terutamanya peruntukan kewangan dan latihan bagi memastikan program sedia ada diperkemaskan serta dapat diperkembangkan.

Selain itu, mengambil kita akan pertambahan warga emas kelak serta cabaran berkaitan warga emas di Malaysia, maka pentingnya mempunyai sumber kakitangan yang mempunyai latar belakang berkaitan kerja sosial. Ini akan membantu perancangan aktiviti di PAWE dengan mengambil kira

aspek sosial dan kesejahteraan warga emas di PAWE selain aspek kesihatan, kewangan, pendidikan dan lain-lain. Secara tidak langsung akan menjadikan kerja sosial dengan warga emas sebagai satu bidang yang diiktiraf dan berstatus professional di Malaysia yakni selaras dengan perkembangan kerja sosial di luar negara.

### **Penutup**

Dalam menghadapi isu serta cabaran berkaitan penuaan, pelbagai program serta pendekatan telah dirancang dan dilaksana dengan sebaiknya oleh pihak kerajaan bagi memastikan warga emas di Malaysia dapat menikmati hidup yang lebih baik meniti usia tua mereka. PAWE adalah satu program yang dekat dan mudah diakses oleh warga emas kerana tujuan penubuhannya adalah untuk warga emas yang tinggal di dalam komuniti. Maka wajarlah kajian serta penambahbaikan terhadap aspek pelaksanaan PAWE ini dibuat dan diteruskan bagi memastikan warga emas terus hidup sejahtera sejajar dengan matlamat penubuhan DWEN.

### **Rujukan**

- Amran Hassan, Fatimah Yussoff, & Khadijah Alavi. (2012). Keluarga sihat melahirkan komuniti sejahtera: Satu ulasan (A healthy family generates prosperous community: An overview). *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 8(5), 51-63.
- Bailey, & Kenneth, D. (1982). *Methods of social research* (edisi ke-2). New York: Free Press.
- Bedny, Gregory, Meister & David. (1997). *The Russian theory activity: Current application to design and learning*. Cambridge: MIT Press.
- Bowling, A., & Dieppe, P. (2005). What is successful ageing and who should define it? *BMJ: British Medical Journal*, 331(7531), 1548.
- Buttel, F. H., Wilkening, E. A., & Martinson, O.B. (1977). Ideology and social indicators of the quality of life. *Social Indicators Research*, 4, 353-369.
- Creswell, J. W. (1994). *Research design*. Thousand Oaks, CA: Sage publications.
- Creswell, J. W., & Clark, V. L. P. (2007). *Designing and conducting mixed methods research*. Thousand Oaks, CA: Sage publications.
- Elsawahli, H. M. H., Ahmad, F., & Ali, A. S. (2012). Neighbourhood design and the young elderly active lifestyle: A pilot survey.
- Gobbens, R. J., van Assen, M. A., Luijkx, K. G., & Schols, J. M. (2012). The predictive validity of the Tilburg Frailty Indicator: Disability, health care utilization, and quality of life in a population at risk. *The Gerontologist*, 52(5), 619-631.

- Han, M. (2012). *Health care of the elderly in Myanmar*. Paper presented at the Regional Health Forum WHO South-East Asia Region.
- Huang, H.M. & Soong, J.J. (2013). ASEAN Migrants: A Boon for Taiwan's Aging Populace. *Journal of ASEAN Studies*, 1(2), 161-172.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (1995). *Dasar Warga Tua Negara*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2002). *Garis Panduan Perlaksanaan PJHWT*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2011). *Dasar Warga Emas Negara*.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2012). *Analisis Perkhidmatan Luar : Pusat Aktiviti Warga Emas*.
- Jabatan Statistik Malaysia. (2010). *Laporan banci penduduk dan perumahan*. Kuala Lumpur. Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Khadijah Alavi. (2007). Pengalaman anak dewasa berpendapatan rendah yang menjaga ibu bapa tua: Satu pendekatan berteraskan pendidikan komuniti. *Kajian Malaysia*, XXV(2), 55-71.
- Kuzuya, M., Masuda, Y., Hirakawa, Y., Iwata, M., Enoki, H., Hasegawa, J., & Iguchi, A. (2006). Day Care Service Use Is Associated with Lower Mortality in Community-Dwelling Frail Older People. *Journal of the American Geriatrics Society*, 54(9), 1364-1371.
- Kwan, Y.H. (2003). *Assessment, Validation, and Promotion for the Quality of Life and Continuum of Care of Elderly People in Hong Kong: Research Report*: Department of Applied Social Studies, City University of Hong Kong.
- Lee, J. J. (2005). An exploratory study on the quality of life of older Chinese people living alone in Hong Kong *Quality-of-Life Research in Chinese, Western and Global Contexts* (335-361): Springer.
- Momtaz, Y. A., Hamid, T. A., Yusoff, S., Ibrahim, R., Chai, S. T., Yahaya, N., & Abdullah, S. S. (2012). Loneliness as a risk factor for hypertension in later life. *Journal of Aging and Health*, 24(4), 696-710.
- Nurizan Yahaya, Siti Suhailah Abdullah, Yadollah Abolfathi Momtaz, Tengku Aizan Hamid (2010). *Quality Of Life Of Older Malaysians Living Alone*. *Educational Gerontology Journal*, 894.
- Sekaran, U. (2006). *Research methods for business: A skill building approach*. John Wiley & Sons.
- Sharan B. Merriam, & Mazanah Mohamad. (2000). How cultural values shape learning in older adulthood: The case of Malaysia. *Adult Education Quarterly*, 51(1), 45-63.
- Sundar, V., Fox, S. W., & Phillips, K. G. (2013). Transitions in Caregiving: Evaluating a Person-Centered Approach to Supporting Family Caregivers in the Community. *Journal of Gerontological Social Work*, (accepted).